

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 JANUARY 2017

Um - 19/1/2017

## Salleh bidas Dr. Mahathir

**KUALA LUMPUR 18 Jan.** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dibidas kerana menggunakan logik yang tidak dapat diterima akal untuk menjawab titah Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak berkata, sebagai contoh, Dr. Mahathir menyatakan beliau merujuk kepada laporan berita asing yang tidak dicabar atau dinafikan, jadi berita tersebut pada pandangannya adalah benar.

“Dr. Mahathir perlu meningkatkan pengetahuan tentang bagaimana sesuatu perkara dilakukan pada masa kini dan apa maksud globalisasi. Dunia kini tanpa sempadan dan Dr. Mahathir perlu menerima keadaan ini,” katanya menerusi blog beliau sskeruak.blogspot.my semalam.

Beliau mengulas jawapan Dr. Mahathir mengenai titah Sultan Johor yang kecewa dengan tindakan bekas Perdana Menteri itu yang memutar belit isu pelaburan dari China khususnya

di Johor.

Dalam satu sesi wawancara eksklusif bersama akhbar *The Star*, Sultan Ibrahim juga sedih dengan sikap Dr. Mahathir yang meletakkan kepentingan politik berbanding negara.

Dr. Mahathir sebelum ini mendakwa kononnya terdapat kawasan tanah yang luas di Johor Bahru telah dijual kepada pelabur asing tanpa sekatan dan akan berlaku penghijrahan besar-besaran untuk mengambil alih kediaman di kawasan berkenaan.

Menurut Salleh, para pelabur sebenarnya berhak untuk melabur di mana-mana negara sekiranya perkara itu boleh menguntungkan mereka.

Katanya, hal itu juga berlaku pada zaman Dr. Mahathir apabila beliau memberi mereka cukai percutian serta memperkenalkan kos harga buruh yang murah.

“Pelabur melabur untuk mendapatkan keuntungan dan tidak membuat kerja-kerja kebajikan, Dr. Mahathir juga tahu akan hakikat ini,” ujarnya.



**SALLEH SAID KERUAK**